

MPPUUM perlu masa baiki mutu perkhidmatan bas

H.Mer/ro m/s v 9 s. 2. 07

MALIS Perwakilan Pelajar Universiti Utara Malaysia (MPPUUM) masih memerlukan sedikit masa lagi untuk memperbaiki mutu perkhidmatan bas yang dikatakan tidak memenuhi kepuasan mahasiswa sejak diperkenalkan melalui sistem baru.

Yang Dipertua MPPUUM, Idzuafi Hadi Kamilan, berkata biarpun tempoh masa percubaan selama sebulan yang diberikan kepada pengusuh bas sudah tamat, MPPUUM sedang mengkaji langkah tertentu untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan.

“MPPUUM memang menerima rungutan, antaranya mutu perkhidmatan masih rendah, bas lambat dan keadaan sangat sesak di dalam bas. Untuk itu MPPUUM melakukan kajian selidik bagi mendapat gambaran sebenar.

“Jika hasil kaji selidik itu benar, MPPUUM akan mengambil tindakan sewajarnya mengikut lunas yang digariskan pihak pengurusan universiti.

“MPPUUM faham, mahasiswa mengeluarkan duit untuk memperoleh perkhidmatan setimpal, namun kami harap, berikan sedikit masa untuk menyelesaikan masalah ini,” katanya.

Tanpa mahu menyalahkan mana-mana pihak, Idzuafi Hadi, berkata masalah itu mungkin berpunca daripada sikap pemandu bas dan mahasiswa yang kurang memahami situasi serta kehendak keadaan.

Pemandu bas mungkin beranggapan mahasiswa suka mengambil kesempatan dengan pergi ke kuliah pada saat terakhir manakala mahasiswa pula menganggap pemandu bas tidak memahami keadaan mereka.

“Bila keadaan ini berlaku, sudah tentu perasaan kurang senang wujud antara satu sama lain menyebabkan timbulnya sikap saling menyalahi.

“Bukan mahu menyalahkan sesiapa, namun saya harap kedua pihak mampu saling

memahami demi kebaikan bersama,” katanya.

MPPUUM berharap pemandu bas yang dilantik turut mematuhi peraturan yang sudah dicapai.

“Pemandu harus mematuhi jadual masa yang sudah ditetapkan biarpun bas masih tidak penuh. Ini kerana ia bakal melewatkan perjalanan mahasiswa ke kuliah.

“Pemandu seharusnya mengikut keperluan mahasiswa kerana perkhidmatan mereka dibayar,” katanya.

Mengenai penggunaan pelekat kenderaan, Idzuafi Hadi menegaskan syaratnya masih sama iaitu hanya mahasiswa aktif saja dibenarkan membawa kenderaan di kawasan kampus dengan bayaran RM1.50 setahun.

Namun memahami ada mahasiswa yang berkemampuan ingin membawa kenderaan, mereka diberi pilihan alternatif.

“Mahasiswa yang berkemampuan, dibenarkan membawa



IDZUAFI HADI...minta tempoh selesai masalah.

kenderaan tetapi perlu membayar sekurang-kurangnya RM100 satu semester untuk pelekat. Namun perbincangan juga sedang dilakukan bagi mempertimbangkan jumlah itu.

“Saranan MPPUUM, mahasiswa menggunakan perkhidmatan bas kerana lebih mudah dan tidak perlu mengeluarkan jumlah tinggi untuk memperolehi pelekat dan kebenaran,” katanya.